

TARIKH: 17/1/2023

SURAT KHABAR: BERITA HARIAN

MUKA SURAT: 14

Sasar 500,000 suri rumah carum SKSSR tahun ini

Seremban: Hanya kira-kira 6,000 suri rumah yang tidak tersenarai dalam e-Kasih, mencarum dalam Skim Keselamatan Sosial Suri Rumah (SKSSR) sejak ia dilancarkan pada 1 Disember lalu.

Menteri Sumber Manusia, Y. Sivakumar, berkata jumlah itu masih rendah berbanding jumlah suri rumah yang layak menyertai skim itu di seluruh negara seramai kira-kira tiga juta orang.

Beliau berkata, SKSSR terbuka kepada semua suri rumah, manakala caruman bagi senarai yang ada dalam e-Kasih pula ditaja oleh kerajaan.

"Selepas dikuatkuasakan pada 1 Disember 2022, setakat ini dianggarkan 6,000 suri rumah sudah berdaftar yang bukan dalam senarai e-Kasih, sedangkan jumlah suri rumah yang layak berusia 55 tahun ke bawah dianggarkan tiga juta orang," katanya pada sidang media selepas Majlis Penyerahan Faedah SKSSR Kepada Waris Suri Rumah Berinsurans (SRB) di Wisma PERKESO di sini, semalam.

Sivakumar berkata, susulan inisiatif kerajaan itu, Pertubuhan Keselamatan Sosial (PERKESO) menjalankan silang data 135,357 penerima e-Kasih yang mencarum dengan i-Suri dengan data daripada Jabatan Pendaftaran Negara (JPN).

"Hasilnya, PERKESO mendapati seramai 37 suri rumah dilindungi SKSSR meninggal dunia di seluruh negara sehingga 11 Januari lalu, sekali gus melayakkan waris mereka menerima manfaat skim ini.

"Di bawah Akta 838, waris SRB yang meninggal dunia layak menerima Faedah Pengurusan Mayat (FPM) sebanyak RM2,000, manakala bayaran berkala Pencen Penakat sebanyak maksimum RM300 sebulan disediakan," katanya.

Justeru, beliau berharap agensi kerajaan, wakil rakyat dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dapat bersama beri pendedahan dan kesedaran mengenai faedah SKSSR.

"Kami menyasarkan 500,000 suri rumah mencarum di bawah SKSSR pada tahun ini. Jumlah ini agak besar, namun kita berharap semua pihak mempromosikan skim ini.

"Kami berharap lebih ramai suri rumah tampil mencarum dengan SKSSR kerana dapat lihat sendiri manfaat disediakan, sama ada ditimpa musibah atau untuk waris SRB," katanya.